

**SOALAN NO: 174**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG**  
**[ BUKIT MERTAJAM ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik jumlah katil, *Bed Occupancy Rate* serta kekurangan katil setiap hospital Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga 31 Disember 2015, Malaysia mempunyai sejumlah 152 hospital Kerajaan dengan 45,087 katil. Daripada jumlah tersebut, 143 hospital merupakan hospital milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan 41,389 katil, lima (5) hospital milik Kementerian Pertahanan Malaysia dengan 655 katil dan empat (4) hospital milik Kementerian Pendidikan Malaysia dengan 3,043 katil.

Kadar penggunaan katil (*Bed Occupancy Rate*) bagi keseluruhan hospital KKM adalah 71.1 peratus. *Bed Occupancy Rate* (BOR) bagi setiap hospital adalah antara 16% hingga 128%. Antara hospital yang mempunyai BOR yang tinggi adalah Hospital Jeli di Kelantan (128.2%

dengan 24 katil), Hospital Seberang Jaya di Pulau Pinang (105.3% dengan 322 katil) dan hospital Ampang di Selangor (99.2% dengan 562 katil). Manakala hospital dengan BOR terendah adalah Hospital Daro di Sarawak (BOR 16.4% dengan 46 katil)